

SOALAN LAZIM

1. Apakah itu Dasar Pelaksanaan Takwim Peperiksaan?

Dasar Pelaksanaan Takwim Peperiksaan adalah satu dasar penyusunan jadual peperiksaan agar tiada peperiksaan dalaman universiti diadakan pada hari Jumaat, Sabtu, Ahad dan Cuti Umum.

2. Apakah tujuan dasar ini diperkenalkan?

Dasar ini diperkenalkan bertujuan memberi peluang kepada pelajar bagi menunaikan tanggungjawab agama yang jatuh pada hari Jumaat, Sabtu atau Ahad dan meluangkan masa cuti umum bersama keluarga dan rakan.

3. Adakah dasar ini terpakai untuk peperiksaan antarabangsa atau badan profesional?

Tidak. Dasar ini hanya terpakai bagi **peperiksaan dalaman** universiti sahaja.

4. Apakah definisi peperiksaan dalaman universiti?

Peperiksaan dalaman universiti bermaksud semua jenis ujian dan peperiksaan di universiti termasuk **kuiz, ujian pertengahan semester, peperiksaan akhir, peperiksaan khas dan lain-lain jenis penilaian** yang dilakukan oleh universiti.

5. Adakah dasar ini terpakai bagi semua pelajar di semua peringkat pengajian di universiti?

Tidak. Dasar ini hanya terpakai bagi pelajar **sepenuh masa di peringkat sarjana muda dan diploma** sahaja.

6. Adakah universiti diberi autonomi dalam penyusunan jadual Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) serta jadual peperiksaan dalaman universiti?

Ya. UA masih dikekalkan autonomi dalam meminda jadual Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) serta jadual peperiksaan dalaman universiti supaya mempunyai tempoh masa yang mencukupi untuk aktiviti PdP serta penilaian dan pentaksiran.

7. **Sekiranya universiti saya bekerja pada hari Jumaat/Ahad, bolehkah universiti saya mengadakan peperiksaan dalaman pada hari tersebut?**

Tidak. Dasar ini tidak membenarkan sebarang peperiksaan dalaman universiti diadakan pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.

8. **Sekiranya cuti umum gantian jatuh pada hari bekerja, bolehkah universiti mengadakan peperiksaan dalaman pada hari cuti umum gantian tersebut?**

Tidak. Dasar ini tidak membenarkan sebarang peperiksaan dalaman universiti diadakan pada hari cuti umum **termasuk cuti umum gantian**.

9. **Bolehkah universiti saya mengadakan peperiksaan dalaman pada hari Jumaat/ Sabtu/ Ahad/ Cuti Umum setelah mendapat persetujuan pelajar?**

Tidak.

10. **Adakah dasar ini terpakai bagi semester khas di universiti?**

Ya. Dasar ini terpakai bagi semua semester di universiti termasuk semester khas.

11. **Bolehkah universiti saya memohon penangguhan bagi penggunaan dasar ini?**

Tidak. Dasar ini adalah berkuatkuasa mulai 2 September 2022 dan semua universiti seharusnya mengunapakai dasar ini dalam penyusunan jadual peperiksaan dalaman di universiti **mulai semester 1 sesi 2022/2023**.